

5

Tail

SPA.S(KT)015/30/(5)

26 Oktober 2005

Ketua Pengarah Penjara  
Jabatan Penjara Malaysia  
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri  
Ibu Pejabat Penjara  
Bukit Wira,  
**43000 KAJANG**  
**SELANGOR DARUL EHSAN.**  
(U.p.: En. Hasan bin Ali)

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN SERAMAI 12,217 ORANG  
PENGUASA PENJARA, PENOLONG PENGUASA PENJARA DAN PEGAWAI  
PENJARA PELBAGAI GRED KE SKIM PERKHIDMATAN BARU PENGUASA  
PENJARA, PENOLONG PENGUASA PENJARA DAN PEGAWAI PENJARA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen seramai 12,217 orang Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara Pelbagai Gred seperti di **Lampiran A** ke Skim Perkhidmatan Baru Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai;



- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada 01.07.2005;
- (iv) tawaran gaji seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2005; dan
- (v) mewakilkan kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah Penjara untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu.

4. Pihak tuan diminta mengemukakan sesalinan dokumen opsyen yang ditawarkan kepada Suruhanjaya.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHAMMAD ABIDDIN BIN ABD. RAHMAN)**

Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia

☎ 03-88856234  
E-mail:mdin@spa.gov.my

## LAMPIRAN A

<b>Bil.</b>	<b>Gred</b>	<b>Jumlah</b>
1	Gred KX54	4
2	Gred KX50	11
3	Gred KX48	16
4	Gred KX42	61
5	Gred KX41	139
6	Gred KX32	308
7	Gred KX27	744
8	Gred KX24	43
9	Gred KX22	126
10	Gred KX18	628
11	Gred KX14	1,865
12	Gred KX11	8,272
	<b><i>Jumlah</i></b>	<b><i>12,217</i></b>